

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

KEB 2024 harapan baharu perkasakan kedudukan ekonomi Bumiputera



Minda Pengarang

KEB 2024 harapan baharu perkasakan kedudukan ekonomi Bumiputera

Hari ini sehingga Sabtu berlangsung Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 dengan matlamat untuk mencadangkan hala tuju serta pendekatan baharu dan pe-nambahbaikan agenda pemerkasaan Bumiputera lebih adil, saksama dan inklusif. KEB 2024 turut menjadi platform mencadangkan pendekatan baharu untuk mengukur tahap penyertaan dan kawalan ekonomi Bumiputera lebih bermakna.

Kongres istimewa ini sangat istimewa dan amat dekat pada hati rakyat, terutama Melayu serta Bumiputera sebagai wadah untuk membincangkan pelbagai topik khusus menyentuh kepentingan, hala tuju dan masa depan golongan terbabit.

Bahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan KEB 2024 akan menjadi antara agenda penting Kerajaan MADANI bagi merombak serta melonjak pembangunan sosioekonomi Bumiputera secara menyeluruh.

Bermakna segala input, maklumat, pandangan, idea, wawasan dan rangka kerja yang bakal dibentangkan 10 Pengurus Sesi Libat Urus (SLU) pada kongres tiga hari itu akan menjadi kerangka asas untuk merombak pelan pembangunan sosioekonomi Bumiputera bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Sudah tentu, dapatan dan rumusan daripada Laporan Sesi Libat Urus KEB 2024 yang akan diserahkan kepada Perdana Menteri menuntut komitmen jitu kerajaan serta pemegang taruh Bumiputera untuk dijayakan dan dilaksanakan seperti disaraskan.

Bumiputera khasnya orang Melayu kini menantikan satu resolusi, pendirian dan ketetapan jitu daripada KEB 2024 untuk dipegang serta ditutup Kerajaan Perpaduan sehingga memberi impak berganda dalam memeta hala tuju perencanaan Agenda Baharu Pemerksaan Bumiputera.

Justeru, antara perkara perlu diberi tumpuan adalah soal pemikiran ekuiti Bumiputera, pengukuhan dasar melindungi Melayu dan Bumiputera, meneroka peluang serta sektor baharu ekonomi, memperluaskan akses pendidikan serta peluang pekerjaan selain menjamin kelangsungan golongan Bumiputera dalam landskap politik yang dinamik.

Nyatanya di sini, walau apa pun resolusi terhasil menerusi KEB 2024 nanti, ia tetap perlu merujuk dan berteraskan Perkara 153 Perlumbagaan yang melindungi kedudukan istimewa orang Melayu serta Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Ini yang perlu dipegang kepada mana-mana parti yang berjaya membentuk kerajaan, tidak boleh dikompromi.

Sementara itu, KEB 2024 juga disifatkan sebagai perhimpunan istimewa bagi Kerajaan MADANI kerana ia diadakan dengan kerjasama serta komitmen gabungan pelbagai parti yang sebelum ini pernah bermusuhan terutama Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN).

KEB 2024 menjadi isyarat hubungan kedua-dua parti ini semakin matang, berani dan merentas perbezaan ideologi serta dasar perjuangan parti, ditambah pula dengan kehadiran pemimpin dan wakil daripada kaum bukan Bumiputera, sekali gus menunjukkan keterbukaan kongres ini demi memenuhi hala tuju pembangunan ekonomi Bumiputera, khususnya orang Melayu.